

31/08/2002

Majlis baca puisi mahu ke mana?

Sutung Omar RS

TIDAK dapat dinafikan bahawa majlis baca puisi pada masa kini telah menjadi satu acara yang bukan asing lagi. Tidak saja penyair menulis dan membacakan puisinya dalam pelbagai majlis, pelajar membaca puisi dalam kelas atau dalam pelbagai pertandingan atau sayembara, malahan Perdana Menteri pun menulis dan membaca puisi. Ini diiringi pula oleh lagu puisi yang semakin popular masa kini. Antara yang patut dicatatkan di sini ialah Zubir Ali, Koprata, Julfikar Ahmad Shah, Ras Adibah Radzi, dan May-E.

Puisi tidak lagi menjadi hak kepunyaan penyair dan peminatnya yang terhad malahan menjadi bahan penting sehingga RTM pun mewujudkan rancangan Anjung Budi rancangan khusus yang mengisi bacaan puisi selain daripada selingan puisi pada waktu tertentu.

Jelas fenomena ini adalah satu perkembangan yang menarik, yang menggalakkan bukan saja kepada penyair dan mereka yang terbabit dalam dunia puisi, tetapi yang sama pentingnya ialah puisi, yang selalunya dianggap sukar dan eksklusif itu mula mendapat perhatian masyarakat. Banyak dan kerapnya program dan acara yang membabitkan puisi jelas adalah hasil sambutan baik masyarakat terhadap puisi.

Dalam hal ini seorang penyair kini harus berterima kasih kepada media, sama ada cetak mahupun elektronik yang ikut sama mempopularkan puisi menjadi satu wahana penting dalam masyarakat. Tanpa ruang khusus dalam media tentulah amat sukar untuk sesuatu cepat sampai kepada pengetahuan masyarakat.

Dalam banyak pertemuan dengan teman penyair masa kini, ramai yang menyatakan rasa terharunya dengan perkembangan yang sedang berlaku. Namun tidak dapat dielakkan pula terdapat banyak komentar berupa pertanyaan mengenai kegiatan baca puisi dan matlamat akhirnya aktiviti itu akan kemanakah hujungnya?

Setiap orang mempunyai jawapannya sendiri terhadap persoalan itu. Dan jawapan itu pula terpulang kepada posisi dan kepentingannya secara individu mahupun secara berkumpulan.

Ada pihak yang menggunakan puisi untuk tujuan propaganda kumpulannya, dan tidak kurang pula yang menggunakan puisi untuk tujuan murni penciptaan puisi itu sendiri sebagai satu seni bagi membentuk akal budi manusia. Apapun, sama ada sesebuah puisi itu ditulis dengan tujuan murni penciptaan puisi itu sendiri mahupun dengan tujuan bagi membentuk sesuatu idealisme mahupun propaganda, itu semua sekali lagi adalah gambaran bahawa puisi bukan satu perkara yang asing bagi kehidupan rakyat Malaysia.

Bagaimanakah hal ini semua terjadi?

Menjawab soalan itu secara terperinci tentulah ruang singkat ini tidak mencukupi. Namun secara ringkasnya bolehlah disebutkan bahawa sejarah awalnya bermula apabila Grup Teater Elit memulakan majlis pembacaan puisi di Sudut Penulis, Dewan Bahasa dan Pustaka secara tetap.

Aktiviti itu kemudiannya diikuti majlis Baca Puisi di Hotel Abad yang berlangsung setiap dua minggu sekali. Majlis yang berlangsung selama hampir dua tahun itu terpaksa dihentikan berikutan dengan penutupan premis itu.

Selepas itu muncul idea Baca Puisi Tanahair juga anjuran Teater Elit di bawah naungan Perdana Menteri Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamed. Majlis Baca Puisi Tanahair sempat diadakan antaranya di beberapa negeri seperti Negeri Sembilan, Sabah, Pahang dan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.

Apabila Majlis Baca Puisi Tanahair tidak diteruskan oleh sebab ketiadaan

pihak yang sanggup memberi sponsor, tidak lama kemudian Gapena muncul dengan idea Sayembara Deklamasi Puisi Hari Kebangsaan. Acara terakhir itu kekal sehingga kini dan malahan telah melahirkan antologi puisi mengenai hari kebangsaan.

Dua acara yang patut dicatatkan di sini kerana sumbangan pentingnya dalam sastera ialah majlis Baca Puisi Pena dan Kembara Puisi IPTA.

Majlis Baca Puisi Pena di Rumah Pena, Jalan Dewan Bahasa yang berlangsung kira-kira empat tahun lalu dan masih berjalan sehingga kini pada setiap Jumaat malam Sabtu pertama setiap bulan adalah anjuran Persatuan Penulis Nasional Malaysia (Pena) dengan sokongan Berita Harian. Majlis Baca Puisi IPTA adalah anjuran Berita Harian dengan kerjasama Dewan Bahasa dan Pustaka, Bank Kerjasama Rakyat Malaysia Berhad dan Majlis Kebudayaan Universiti-universiti Malaysia (MAKUM). Majlis Baca Puisi IPTA telah berlangsung antaranya di Universiti Kebangsaan Malaysia, Universiti Malaya, Institut Bahasa Melayu, Malaysia, Universiti Multi Media, Universiti Sains Malaysia, Universiti Malaysia Sarawak, Universiti Islam Antarabangsa, Universiti Putra Malaysia dan Universiti Institut Teknologi Mara, Shah Alam, Selangor.

Selain Baca Puisi Pena setiap awal bulan di Rumah Pena, Pena dan Berita Harian juga terbabit dengan Baca Puisi Kota Bharu, Baca Puisi Kuala Terengganu, Baca Puisi Pahang, Baca Puisi Johor, Baca Puisi Ipoh, dan Baca Puisi Seremban, Negeri Sembilan. Baca Puisi Kota Bharu, Baca Puisi Kuala Terengganu dan Baca Puisi Ipoh kini terhenti buat sementara setelah berlangsung selama setahun.

Baca Puisi Johor, Baca Puisi Pahang dan Baca Puisi Negeri Sembilan masih berjalan sehingga kini.

Baca Puisi Johor yang telah berlangsung selama dua tahun setiap bulan berkeliling ke bandar-bandar kecil di Johor Bharu. Begitu juga Baca Puisi Pahang. Manakala Baca Puisi Seremban tetap berlangsung di Seremban.

Selain aktiviti itu Berita Harian juga terbabit dengan Baca Puisi Islam anjuran Jakim yang kini memasuki tahun kedua.

Tentulah patut juga disebutkan disini kerjasama sama Berita Harian dengan RTM dalam acara Baca Puisi RTM 2000 yang disiarkan oleh RTM.

Berbalik kepada persoalan yang ditimbulkan oleh teman penyair dan aktivis sastera dan budaya: Mahu kemanakah majlis baca puisi ini?

Jawapannya tentulah pelbagai. Namun satu hakikat yang tidak boleh dikesampingkan ialah walaupun sebegitu banyak acara baca puisi, penciptaan puisi sendiri, terutama dari pelapis baru masih tidak menampakkan sesuatu yang baru dan menggalakkan. Demikian juga buku puisi masih tidak laku di pasaran. Kalau sepuluh tahun dahulu 3,000 naskhah buku puisi mengambil masa tiga empat tahun terperok dalam stor, keadaan kini tidak banyak berubah.